

# AXCEL PARACETAMOL-120 SYRUP

Paracetamol (120mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Paracetamol-120 Syrup
2. Bagaimana Axcel Paracetamol-120 Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axcel Paracetamol-120 Syrup
4. Cara menggunakan Axcel Paracetamol-120 Syrup
5. Semasa menggunakan Axcel Paracetamol-120 Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Paracetamol-120 Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Poduk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Axcel Paracetamol-120 Syrup

Axcel Paracetamol-120 Syrup digunakan untuk melegakan:

- Demam.
- Simptom selsema dan influenza.
- Pertumbuhan gigi.
- Sakit kepala.

## Bagaimana Axcel Paracetamol-120 Syrup berfungsi

Paracetamol mempunyai sifat analgesic dan antipiretik (untuk mengurangkan demam). Paracetamol melegakan kesakitan sederhana, kesakitan luar biasa yang berlaku pada kepala dan kesakitan haid, dan dalam pelbagai otot, sendi dan gangguan saraf peripheral (menghalang penghantaran maklumat antara otak dan seluruh badan). Ia juga berfungsi mengurangkan demam.

## Sebelum menggunakan Axcel Paracetamol-120 Syrup

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Paracetamol-120 Syrup jika:

- Anda menghadapi penyakit buah pinggang.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor ahli farmasi yang bertauliah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakannya

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda) terutamanya mengandungi Paracetamol.
- Anda menghadapi kerosakan fungsi buah pinggang atau hati.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin berinteraksi dengan Axcel Paracetamol-120 Syrup anda:

- Oral anticoagulants (ubat yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah).
- Ubat-ubatan mengandungi Paracetamol.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Paracetamol-120 Syrup dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Paracetamol-120 Syrup

### -Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan oral sahaja. Gocang dengan betul sebelum mengguna.

*Kanak-kanak:*

3 bulan hingga 1 tahun: 60mg – 120mg (2.5ml – 5ml).

1-6 tahun: 120mg – 240mg (5ml – 10ml).

6-12 tahun: 240mg – 480mg (10ml – 20ml)

### -Bila perlu digunakan

Guna 3 atau 4 kali sehari.

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Paracetamol-120 Syrup mengikut keadaan anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

### -Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Terlebih dos boleh menyebabkan kerosakan hati seperti pertumbuhan sel yang tidak normal di hati, kegagalan fungsi hati, keadaan tidak sedarkan diri yang boleh berlaku dalam kes-kes yang teruk penyakit hati dan penyakit atau kerosakan otak.

## Semasa menggunakan Axcel Paracetamol-120 Syrup

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Paracetamol-120 Syrup.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

# AXCEL PARACETAMOL-120 SYRUP

Paracetamol (120mg/5ml)

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Paracetamol-120 Syrup dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan kronik harus dielakkan.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Paracetamol-120 Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Ruam pada kulit dan reaksi alergi yang lain.
- Kemerahan kulit atau gatal-gatal dan kadang-kala lebih serius jika diiringi dengan demam dan luka pada mukosa.
- Masalah darah seperti penurunan yang tidak normal pada sel darah putih dan merah serta platelet.
- Reaksi tindakbalas hipersensitiviti termasuk ruam kulit, angioedema, Steven Johnson Syndrome/ Toksik Epidermal Necrolysis.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan tindakbalas kulit yang teruk. Simptom-simptom termasuk kemerahan kulit, melepuh atau ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindakbalas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Paracetamol-120 Syrup**

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Paracetamol-120 Syrup dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Paracetamol-120 Syrup yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Axcel Paracetamol-120 Syrup (Banana):  
Larutan berwarna putih dengan perisa pisang.

Axcel Paracetamol-120 Syrup (Cherry):  
Larutan berwarna ceri-merah dengan perisa ceri.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:  
Paracetamol

- Bahan Tidak Aktif:  
Xanthan Gum, Saccharin Sodium, Refined Sugar, Methylparaben, Sorbitol, Propylene Glycol dan Purified Water.

Axcel Paracetamol-120 Syrup (Banana):  
Aspartame, Titanium Dioxide and Banana Flavour.

Axcel Paracetamol-120 Syrup (Cherry):  
Sodium Citrate, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Cherry Flavour and Cherry Red Dye.

### -Nombor MAL

Axcel Paracetamol-120 Syrup (Banana):  
MAL20041179XZ

Axcel Paracetamol-120 Syrup (Cherry):  
MAL19911434XZ

## **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
05/03/2025

**Nombor siri**  
NPRA(R4/1)300818/00254